



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05 /01/2018

DR MAHATHIR LABEL ABDUL HADI S

Tun M didakwa semakin mengarut

BH-5/1/2018
pg. 6

Kota Bharu: Naib Presiden PAS, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah menyifatkan Tun Dr Mahathir Mohamad semakin mengarut apabila melabelkan Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang kafir dan pengkhianat pakatan pembangkang.

Beliau mendakwa, Pengerusi Parti Pri-bumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu sebenarnya yang merosakkan pakatan pembangkang kerana kehadirannya dalam pakatan terbabit hanya mengkuar-kacirkan keadaan, bukannya membantu.

“Sejak Dr Mahathir dan PPBM wujud, saya perasan banyak masalah berlaku termasuk dalam pakatan pembangkang,” katanya ketika ditemui di pejabatnya, di sini, semalam.

Sambil menyifatkan Dr Mahathir juga sudah mengambil peranan mufti, Mohd Amar mendakwa, Pengerusi PPBM itu yang sebenarnya anti-PAS dan Islam, malah sentiasa menyerang PAS.

“Jika betul mereka (pembangkang) mahu kalahkan BN (Barisan Nasional), jangan jadikan pilihan raya umum (PRU) akan datang pertandingan banyak penjurur dan jangan bertanding di kerusi PAS,” katanya.

Akhbar semalam melaporkan, Dr Mahathir melabelkan Abdul Hadi sebagai kafir dan pengkhianat kerana bekerjasama dengan UMNO, malah mendakwa Presiden PAS itu hanya menggunakan Islam kerana pernah mendakwa kerajaan sebagai kafir dan wajar ditentang.